

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pemilih yang menukar alamat, tidak berdaftar, dilucutkan hak mengundi dan menukar status dari pengundi awal kepada pengundi biasa mengikut kawasan Parlimen dari tahun 2010 hingga 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih yang telah membuat pendaftaran tukar alamat dari tahun 2010 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 820,198 orang. Manakala jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan keatas yang layak mendaftar tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih ST 2/2016 adalah sebanyak 4,373,708 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pemilih yang telah dilucutkan hak sebagai pemilih dari tahun 2010 hingga Daftar Pemilih ST 2/2016 adalah sebanyak 32,833 orang. Manakala jumlah Pemilih Tidak Hadir (PTH) yang telah menukar status kepada pemilih biasa dari tahun 2010 hingga Daftar Pemilih ST 2/2016 adalah sebanyak 25,512 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 27 OKTOBER 2016
[KHAMIS]
DARIPADA : Y.B. DATUK WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]

SOALAN :-

Y.B. Datuk Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perancangan pembinaan balai Bomba di kawasan Belaga yang telah dipersetujui untuk dibangunkan untuk kemudahan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek Balai Bomba dan Penyelamat Belaga, Bintulu, Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* Pertama tahun 2016 bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kebombaan di kawasan Belaga. Status semasa projek ini adalah dalam peringkat rekabentuk dan ianya dijangka ditender pada suku tahun pertama 2017.